

## JENDELA MASA



Mohd. Salleh Abdul Majid

# Imbasan Tahun 2005

DATUK MOHD. SALLEH ABDUL MAJID adalah mantan Presiden Bursa Saham Kuala Lumpur.

**K**ITA telah memasuki bulan kedua tahun 2006. Malang sekali bulan Januari tragedi menimpa jemaah haji di Mekah. 340 orang jemaah, kebanyakannya dari India terbunuh dalam satu kemalangan di Mina sewaktu melontar. Syukurlah jemaah kita tiada yang terlibat, walaupun sebelum tragedi ini satu tragedi keruntuhan tempat tinggal berlaku dan empat orang jemaah kita meninggal dunia. Begitulah kehendak Ilahi, walaupun pelbagai langkah keselamatan telah diambil oleh kerajaan Saudi.

Bagi kita di Malaysia, 2005 penuh dengan pelbagai isu menarik. Mendaului senarai ini ialah isu AP atau permit yang diluluskan. Beberapa soalan yang dikemukakan belum terjawab dengan jelas walaupun isu ini sudah didebatkan di Parlimen. Dasar yang lalu nampaknya diperbetulkan dengan memperkenalkan Dasar Automotif Nasional tetapi soal utama mengapa beberapa individu diberikan begitu banyak AP masih belum terjawab. Apakah faktor yang melayakkan mereka ini menerima begitu banyak AP? Mereka sajakah yang ada wang, orang lain tak ada? Bagaimana tentang beberapa amalan yang bertentangan dengan undang-undang seperti tidak membayar cukai dan sebagainya yang dilakukan oleh mereka yang menerima AP?

Selagi jawapan yang jelas tidak muncul, masyarakat akan membaca apa yang tersirat dalam memperkatakan isu ini. Orang yang banyak mempersoalkan dasar pembahagian ini ialah bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohammad. Datuk Paduka Rafidah Aziz, menteri yang bertanggungjawab, enggan memberi jawapan khusus kepada soalan yang ditimbulkan, sebaliknya banyak memperkatakan ketentuan itu banyak bermula dibawah pentadbiran Tun Dr. Mahathir dahulu.

Semasa Tun Dr. Mahathir mengumumkan secara mengejut di Perhimpunan Agung UMNO tahun 2002 bahawa beliau akan bersara, ramai menteri menerpa kepadanya bertanyakan kenapa beliau secara tiba-tiba hendak berhenti. Ramai yang memujuknya supaya tidak berhenti. Antaranya yang jelas terdengar suaranya, "Why, why?... Berkali-kali ialah Datuk Paduka Rafidah Aziz. Itu

sebelum bersara. Kini selepas bersara "soal menyoal" antara Tun Dr. Mahathir dengan Rafidah Aziz menunjukkan kemesraan yang wujud sebelum persaraan itu sudah tidak ada. Agaknya begitulah politik.

Kita juga dikejutkan oleh pemecatan Tan Sri Isa Samad yang didapati bersalah oleh Jawatankuasa Disiplin UMNO kerana politik wang. Bukti telah dibentangkan yang beliau membeli undi untuk jawatan tertinggi UMNO. Apakah kerenah politik wang ini terhenti setakat Tan Sri Isa saja? Memanglah wajar politik wang ini dibentaras sehabis-habisnya tetapi takkanlah seorang sahaja yang melakukannya? Isu ini masih berlegar di kepala masyarakat Melayu.

Berita Osu Sukam berhutang judi dengan kelab di London beratus juta paun juga mengejutkan ramai orang. Bagaimana seorang Ketua Menteri Islam boleh berjudi berpuluh juta paun dan rugi beratus juta paun? Nampaknya dia terlindung dengan undang-undang negara tetapi hakikatnya kes ini mempunyai beberapa implikasi. Pertama sekali tentulah rasuah. Di sini kita tidak tahu apakah tindakan lanjutan selain daripada beliau berhenti menjadi Ketua UMNO bahagiannya di Sabah. Apakah Ketua Menteri tidak boleh disiasat bagaimana dia boleh menggunakan wang sebegitu banyak? Keinginan kita membasmi rasuah tidak sejajar dengan langkah yang kita ambil.

**K**ALAU beberapa tahun dahulu Kerajaan mengharamkan pertubuhan Al-Arqam, tahun 2005 kita dikejutkan dengan amalan songsang seorang lagi orang Islam - Ayah Pin, dari Terengganu. Yang menghairankan ialah beliau mempunyai pengikut yang setia kepadanya walaupun beliau jelas melanggar aqidah Islam dengan turut serta dalam suatu majlis di kuil Hindu. Ayah Pin masih bebas, mungkin lari ke negara jiran tetapi amalan songsang juga menular di kalangan remaja kita yang memanggil diri mereka ahli kumpulan *Black Metal*. Mereka ini memuja syaitan dan mengamalkan kebebasan seks serta menghina Islam. Apakah mereka ini mengambil kesempatan prinsip demokrasi yang negara kita amalkan?

Kita juga dikejutkan dengan isu wanita Cina dipaksa berbogel dan melakukan ketuk ketampi di balai polis. Walaupun perkara itu berlaku sekurang-kurangnya enam bulan sebelum heboh satu negara, seorang wakil rakyat pembangkang membangkitkan isu itu dengan menunjukkan rakaman yang diterimanya pada telefon bimbitnya.

Beliau menuduh kita bersikap zalim kepada pelawat dan tindakan kita tidak setimpal dengan kesalahan yang mereka lakukan. Pendedahan itu menyebabkan semua orang kelam-kabut sehinggakan Perdana Menteri mengarahkan Menteri Keselamatan Dalam Negeri memohon maaf daripada kerajaan China. Satu jawatankuasa menyiasat ditubuhkan diketuai bekas Ketua Hakim Negara, Tun Dzaiddin. Alangkah terkejutnya rakyat seluruh negara apabila didapati orang yang dikatakan rakyat China itu ialah orang Melayu rakyat kita sendiri.

Disebabkan lidah tidak bertulang, wakil rakyat yang membuat pendedahan itupun mengatakan yang beliau tidak pernah mengatakan orang salah itu rakyat China! Orang politik dah biasa cakap berbalik-balik. Prosedur yang menjadi amalan polis berzaman untuk memastikan mereka yang disyaki menggunakan dadah melakukan ketuk ketampi supaya sekiranya ada tersorok dadah dalam kemaluan atau dubur pesalah, gerak laku itu memastikan ia terkeluar, kini menjadi bahan perdebatan. Patut atau tidak patut dilakukan? Keputusan jawatankuasa itu belum diumumkan lagi.

Hujung 2005 dua isu timbul. Keselamatan tempat binaan di seluruh negara dan kedua kuasa mahkamah sivil dan mahkamah syariah tentang perkara berkaitan dengan pemelukan agama Islam. Keselamatan tempat binaan menjadi isu dan membuka mata pihak yang berkenaan apabila seorang perunding mati dihempap acuan simen seberat dua tan yang jatuh dari tingkat 20 bangunan yang sedang dibina di Sri Hartamas, Kuala Lumpur.

Seperti biasa satu jawatankuasa menyiasat ditubuhkan untuk menyiasat. Keselamatan di tempat kerja memang bukan suatu keutamaan di kalangan kontraktor. Ramai memandangi perkara itu sebagai remeh sehinggalah terdapat

lagi kemalangan yang meragut nyawa sama ada pekerja atau orang awam.

Macam biasa beberapa bulan selepas sesuatu kemalangan kita semua akan hebohlah dengan macam-macam cadangan untuk mengelak perkara yang sama berlaku lagi, tidak lama lepas itu ia akan senyap sehinggalah orang mati lagi. Kita tentu ingat keruntuhan pangsapuri di Bukit Antarabangsa disebabkan dibawahnya terdapat mata air. Macam-macam cadangan untuk mengelak perkara yang sama berlaku di lain tempat, penyudahnya amalan biasa berterusan.

Dalam kes M. Moorthi yang meluk agama Islam tanpa pengetahuan isterinya, mahkamah syariah memutuskan bahawa dia sesungguhnya orang Islam dan wajar dikebumikan di tanah perkuburan Islam. Keluarga Moorthi tidak setuju kerana dia tidak sembahyang, tidak puasa dan pendeknya tidak berkelakuan seperti orang Islam. Mereka ingin kes ini diadili oleh mahkamah sivil. Mahkamah sivil membuat keputusan bahawa mereka tidak boleh campur tangan dengan kes berkaitan dengan agama. Timbullah suara-suara sumbang yang mencadangkan Perlembagaan dipinda untuk memberi kuasa kepada mahkamah sivil memutuskan kes-kes berkaitan agama.

**S**EMENTARA itu pasaran saham kita terus malap dengan kelesuan yang berterusan. Ini sedikit sebanyak disumbang oleh cerita-cerita kerugian syarikat gergasi seperti MAS yang rugi untuk dua penggal sebanyak hampir RM700 juta dan juga Proton. Reformasi ke atas syarikat-syarikat milik Kerajaan dilihat belum lagi mendatangkan kesan kerana matlamat yang diharapkan belum lagi tercapai. Keyakinan pelabur terhakis banyak pada bulan Mei apabila sepuluh kaunter mengalami kejatuhan sehingga had terendah dalam satu hari. Bank-bank yang memberikan kredit ke atas saham syarikat berkenaan dikatakan telah menjual saham-saham yang mereka pegang selaku cagaran apabila harga jatuh.

Seorang Ketua Eksekutif baru telah dibawa masuk ke MAS dan beliau mendedahkan yang MAS perlu RM3 bilion untuk pemulihan. Salah satu langkah

## **Begitu banyak wang dibelanjakan tetapi hakmilik orang Melayu baru setakat 18 peratus sahaja. Apakah Dasar Ekonomi Baru akan terus menjadi tumpuan utama?**

yang akan diambil ialah menjual bangunan MAS dengan harga RM130 juta. Sementara itu bagi Proton pula, Volkswagen yang dikatakan akan menjadi rakan usahasama menarik diri dan penjualan ekuiti dalam syarikat motosikal Augusta sebanyak RM1 menimbulkan persoalan di kalangan penasihat dan bekas ketua eksekutifnya. Proton menjawab yang ia tidak perlu memberi penjelasan kepada individu tertentu tentang langkah yang diambilnya. Suatu tampan kepada penasihat syarikat tersebut.

Bermulanya tahun 2006 segala tumpuan ialah pada Rancangan Malaysia Ke-9. Sudah lapan Rancangan Malaysia berlalu. Bererti kesemuanya 40 tahun berlalu. Berapa perbelanjaan kita setiap tahun di bawah Rancangan Malaysia? Begitu banyak wang dibelanjakan tetapi hakmilik orang Melayu baru setakat 18 peratus sahaja. Apakah Dasar Ekonomi Baru akan terus menjadi tumpuan utama dengan adanya nada-nada sumbang yang membantah terutama di kalangan ahli politik?

Atau pedulikan saja mereka kerana merekalah yang sebenarnya yang meraih kemewahan selama ini. Semoga langkah-langkah yang bakal digariskan untuk meningkatkan hakmilik orang Melayu mengorak langkah berbeza daripada yang telah sudah supaya PNB, LTAT, Tabung Haji dan banyak yang lain lagi yang diamanahkan untuk meningkatkan kepentingan orang Melayu tidak hanya menyuarakan yang zaman ini zaman globalisasi sedangkan yang diamalkan hanya di peringkat tempatan. Sama-samalah kita tunggu apa yang akan dibentangkan nanti.